

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Apabila kali pertama dicadangkan untuk mengkaji tentang Persatuan Bersemangat Suci(Pusat Pendidikan), pengkaji tidak berminat untuk melakukannya. Sebab utama ialah pengkaji rasa asing dengan persatuan tersebut. Untuk memudahkan kajian, pengkaji lebih berminat mengkaji bidang yang lebih senang dapat maklumat, khasnya kena-mengena dengan kehidupan harian pengkaji.

Selepas menerima nasihat dari seorang senior, beliau mengatakan tujuan penulisan projek penyelidikan ialah untuk mempelajari sesuatu yang baru, yang belum diterokai oleh orang lain. Beliau menasihatkan pengkaji pastikan tujuan sebenar penulisan projek penyelidikan ini, sama ada kerana berminat, untuk mendapatkan sijil sahaja atau hendak mempelajari sesuatu sebelum meninggalkan kampus universiti ini. Atas dorongan ini, pengkaji membuat keputusan dan berhasrat menghasilkan projek penyelidikan mengenai Persatuan Bersemangat Suci(Pusat Pendidikan).

Melalui projek penyelidikan ini, pengkaji rasa gembira kerana ini merupakan satu latihan yang bernilai, melatih pengkaji sebelum melangkah keluar dari kampus Universiti Malaya yang tercinta ini. Memang benar projek penyelidikan ini mempunyai banyak kekurangan dan kesilapan. Diharapkan ia dapat menggalakkan penyelidik lain untuk

meneruskan bidang kajian ini dan membetulkan kesilapan data sekiranya ada.

1.2 KEPENTINGAN KAJIAN

Persatuan Bersemangat Suci(Pusat Pendidikan) merupakan sebuah pertubuhan agama yang mula bergerak pada tahun 1960an dan berkembang dengan pesat pada tahun 1980an di Malaysia. Oleh kerana persatuan ini masih muda usianya, tidak ramai orang yang tahu mengenai persatuan ini.

Antara matlamat projek penyelidikan ini ialah :

- a) Mengkaji sejarah mulanya Persatuan Bersemangat Suci di Korea, serta kedatangan dan perkembangannya di Malaysia.
- b) Mengkaji matlamat dan objektif persatuan.
- c) Mengkaji struktur dan organisasi persatuan.
- d) Mengkaji sebab-sebab utama persatuan menarik hati ramai pemuda-pemudi, dan bagaimana ia dilakukan.

Berdasarkan kepada objektif di atas, pengkaji dapat meneroka bidang yang menimbulkan "sebab-akibat". Soal "sebab" merujuk kepada soalan yang selalu mengelilingi otak pengkaji mengenai Persatuan Bersemangat Suci. Di antaranya termasuklah apakah objektif sebenar Persatuan Bersemangat Suci, faktor utama sebilangan besar ahli persatuan terdiri daripada pemuda-pemudi atau pelajar sekolah sebagai pokok utama.

Mengenai "akibat" pula, ia merujuk kepada kejadian yang berlaku, iaitu ahli persatuan yang meninggalkan keluarga dan sanggup bergerak bersama-sama persatuan, pelajar yang berhentikan sekolah selepas menjadi ahli, dan

yang paling menarik ialah mengenai upacara "mass-wedding".

Pengkajian projek penyelidikan ini dirasakan penting kerana ia merupakan bidang kajian yang baru. Diharapkan projek penyelidikan ini sedikit sebanyak dapat memberikan maklumat kepada sesiapa yang berminat.

1.3 KAEDAH PENYELIDIKAN

Sepanjang kajian lapangan dijalankan, pelbagai jenis kaedah telah digunakan dalam pengutipan data-data. Di antara kaedah yang digunakan ialah :

- a) Kaedah temubual
 - i) Temubual langsung
 - ii) Temubual telefon
- b) Kaedah penyertaan-pemerhatian
- c) Bahan bacaan sekunder
 - i) Majalah penerbitan Persatuan Bersemangat Suci
 - ii) Surat khabar
 - iii) Kajian perpustakaan.

Kaedah temubual luas digunakan dalam kajian ini. Responden-responden termasuklah ahli-ahli persatuan, wartawan, pendita di gereja, orang awam dan sebagainya.

Temubual melalui telefon hanya digunakan apabila perlu, misalnya untuk mengatur temujanji. Selain daripada itu, ia juga digunakan untuk mengenalpasti data-data yang kurang jelas, seperti tarikh tertentu dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kaedah ini jarang digunakan memandangkan responden yang kurang kerja sama dan mempunyai kesukaran memberikan penjelasan yang lebih mendalam.

Kaedah penyertaan-pemerhatian digunakan dari segi menyertai aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh Persatuan Bersemangat Suci. Melalui penyertaan aktiviti-aktiviti yang diadakan, pengkaji dapat melihat dan membuat analisa dari pengalaman yang dialami.

Kaedah kajian sekunder kerap kali digunakan oleh pengkaji. Melalui kaedah ini, sumber bacaan termasuklah majalah terbitan Persatuan Bersemangat Suci, keratan akhbar tempatan dan kajian perpustakaan. Keratan akhbar di sini menjadi sumber rujukan yang penting dan membekalkan banyak maklumat penting.

Di samping kaedah yang disebut di atas, pengkaji juga menggunakan cara lain untuk mendapatkan data-data. Pengkaji pernah menyuruh seorang kawan melawat pusat persatuan di Kuala Lumpur, selaku seorang yang berminat terhadap persatuan. Keputusan dapat dilihat di mana layanan yang diberi di antara pengkaji dan kawan pengkaji tersebut jauh berbeza. Ini adalah berdasarkan matlamat persatuan terhadap seseorang tertentu.

1.4 MASALAH KAJIAN

Berdasarkan kepada kaedah-kaedah yang digunakan, secara umumnya masalah penyelidikan dapat dibahagikan kepada tiga tahap utama.

Pertama, tahap menentukan masalah yang hendak dikaji. Kedua, tahap pengutipan data dan ketiga, tahap penganalisaan data-data yang dikutip. Oleh kerana tahap menentukan masalah yang hendak dikaji telah diuraikan dalam

bab pendahuluan, di sini tidak mengulanginya lagi.

Dalam tahap pengutipan data, pengkaji telah menemui banyak masalah. Berdasarkan pelbagai kaedah yang digunakan, masalah yang berlainan juga ditemui. Semasa menemubual dengan ahli persatuan, ahli persatuan pada dasarnya adalah baik dan peramah, tetapi sebenarnya mereka secara tidak langsung elak dari menjawab soalan mengenai perkembangan dan pentadbiran persatuan secara khususnya. Oleh kerana sikap mereka yang tertutup, pengkaji terpaksa beralih ke Ipoh dan Pualu Pinang untuk mendapatkan maklumat dari cawangan persatuan. Masalah syak-wasangka ini menyebabkan pengkaji rugi dari segi masa, tenaga dan wang.

Semasa menjalankan kerja lapangan, pengkaji perlu menyertai aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh persatuan. Masalah yang dihadapi di sini melibatkan kewangan pengkaji yang tidak mampu. Setiap kali menyertai aktiviti yang dianjurkan oleh Persatuan Bersemangat Suci, tiap peserta dikehendaki membayar wang kepada pihak penganjur. Ini menjadikan pengkaji terpaksa memilih aktiviti yang tertentu sahaja yang dirasakan penting.

Masalah yang paling besar dihadapi oleh pengkaji semasa pengutipan data ialah hendak elak dari dipengaruh oleh pihak persatuan. Ini tidak bermakna pengkaji tidak sukakan persatuan tersebut. Pengalaman pengkaji ialah selepas tiga atau empat kali bertemu dengan ahli persatuan, mereka mula memujuk pengkaji untuk baca lebih banyak mengenai falsafah persatuan mereka. Pengkaji sentiasa

ditanya mengenai pendapat terhadap persatuan mereka, misalnya,

"Why do you think you need a religion?"

"Do you know what is "God"?"

"God says that....."

Masalah berikutnya ialah masalah bahan bacaan yang kurang dan tidak "up to date". Sumber bacaan yang terdapat kebanyakannya ditulis dalam bahasa Cina dan sebahagian dari bahasa Inggeris. Masalah menterjemahkannya kepada bahasa Malaysia adalah sukar, khasnya istilah-istilah yang khusus, seperti nama orang, nama buku dan istilah agama. Selain daripada itu, oleh kerana Persatuan Bersemangat Suci merupakan pertubuhan agama yang baru, bahan rujukannya adalah terhad di perpustakaan. Ini secara tidak langsung menghalang pengkaji menganalisa perkembangan yang dilalui oleh persatuan dari dahulu sehingga sekarang secara menyeluruh.

Masalah lain ialah masalah latar belakang pengkaji. Pengkaji sebagai seorang penganut Buddha mempunyai kesukaran memahami maksud dalam Bible. Terdapat kritikan bahawa Persatuan Bersemangat Suci merupakan agama terpesong dari Bible. Kekurangan penahaman dalam Bible menyebabkan pengkaji tidak dapat membandingkannya dengan Kristian dengan mendapatkan bukti yang kukuh.

Walau bagaimanapun, pengkaji rasa bagus juga seorang yang bukan ahli Persatuan Bersemangat Suci atau Kristian membuat dan mengkaji bidang ini. Ini dapat mengurangkan bias sama ada hendak memihak Persatuan Bersemangat Suci atau Kristian.

Pada tahap ketiga, iaitu penganalisaan data dan memasukkannya ke dalam komputer. Masalah yang dihadapi adalah kompleks. Untuk menyusun data-data yang dikutip dan menukarkannya ke dalam bentuk tulisan memakan masa, tenaga dan wang yang banyak.

Semasa menghadapi masalah ini, pengkaji selalu ingatkan kata-kata presiden Soka Gakkai Antarabangsa, Daisaku Ikeda,

"No doubt there are times when, at the crucial juncture, you feel completely worthless and incompetent. Such times, in fact, represent opportunities for you to manifest new potential. Whether you can use such opportunities positively determines your victory or defeat in life and happiness or misfortune."

Pengkaji berkeyakinan dan bercita-cita untuk mengatasi segala masalah yang dihadapi sepanjang projek penyelidikan ini dihasilkan.